

PKPP UMS anjur kursus TOT kepada tenaga pengajar

UB 5.9.2019 5

KOTA KINABALU: Kursus Training for Trainer (TOT) bagi tenaga pengajar kursus kokurikulum bercredit di Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dilaksanakan dengan jayanya baru-baru ini, termasuk di dua kampus cawangan universiti berkenaan iaitu Kampus Antarabangsa Labuan (KAL) serta Fakulti Pertanian Lestari (FPL), Sandakan.

Timbalan Pengarah (Akademik) PKPP UMS Dr Jurry Foo berkata, program yang diterajui PKPP itu merupakan aktiviti wajib yang dianjurkan secara tahunan sebagai usaha pemantapan berterusan tenaga pengajar bagi menjamin kualiti sistem pengajaran dan pembelajaran (PdP).

“Ia bagi membolehkan setiap tenaga pengajar menghasilkan pelajar yang holistik sekali gus

membawa kepada pembentukan awal sendiri pelajar sebelum menghadapi cabaran hidup dunia sebenar.

“Ia seiring dengan peranan PKPP yang bertanggungjawab terhadap pembentukan asas kemahiran kepimpinan dan kemahiran sosial pelajar,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, kursus TOT kali ini disertai 90 orang yang terdiri daripada tenaga pengajar diyakini mempunyai kemampuan menyeluruh dalam melaksanakan kursus bercredit yang ditawarkan oleh PKPP UMS.

Katanya, tenaga pengajar yang dipilih juga mempunyai latar belakang mengendalikan kursus berasaskan kemahiran dan khidmat masyarakat yang merupakan aktiviti utama PKPP dalam membimbing pelajar.

“Pada kursus ini, tenaga pen-

gajar diberikan taklimat berkaitan matlamat dan ciri akademik dan kaedah pelaksanaannya serta pendedahan terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan di PKPP termasuk tanggungjawab seseorang pengajar.

“Mereka turut menjalani latihan dalam kumpulan yang memerlukan setiap peserta mengambil bahagian mengikut kumpulan masing-masing bagi menyelesaikan tugas yang diberi dengan tujuan untuk memberi kefahaman mendalam tentang peranan PKPP di UMS, selain sebagai aktiviti membina hubungan kerjasama sesama tenaga pengajar,” katanya.

Sementara itu, Jurry berkata keistimewaan utama kursus bercredit di PKPP ialah adaptasi bidang disiplin kepada penghayatan dan penguasaan sendiri pelajar.

Katanya, pelajar didedahkan asas ilmu bidang dan kemudiannya dibimbing untuk mengaplikasikan



KENANGAN: Tenaga pengajar PKPP di UMS Kampus Induk Kota Kinabalu mengambil gambar kenangan selepas tamat kursus TOT, turut kelihatan Jurry (depan, lima kiri).

ilmu itu untuk membentuk ciri kepemimpinan, seterusnya mengaplikasikan pengetahuan bidang kepada masyarakat melalui program Siswa Prihatin (SPRINT).

“Pada sesi akademik 2019/2020 ini, PKPP mengekalkan kesemua komponen kursus iaitu komponen sukan, rekreasi dan waja diri, komponen seni dan kebudayaan, komponen bisnes dan teknologi, komponen kemasyarakatan dan

komponen unit beruniform dan penyelamat untuk ditawarkan kepada pelajar.

“Kursus-kursus berkenaan akan dikendalikan dengan menggunakan pelbagai pendekatan, khususnya kaedah PdP yang memenuhi keperluan Revolusi Industri (IR.40) termasuk mengaplikasikan pembelajaran teradun dan atas talian sebagai gaya PdP generasi kini,” katanya.